

01/07/2001

Naib Canselor tidak tunduk kepada desakan

KUALA LUMPUR: Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain tidak akan tunduk kepada desakan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman, supaya meletak jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaya berikutan kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), kelmarin.

"Itu pandangan mereka. Saya ada tugas dan saya hanya jalankan tugas yang diamanahkan. Kita ada cara (prosedur)..." katanya selepas perasmian Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, di universiti itu, semalam.

Kelmarin, Azalina menyerahkan satu memorandum daripada Puteri Umno yang mendesak Dr Anuar Zaini meletak jawatan berikutan beberapa insiden buruk di universiti itu, termasuk kebakaran DTC yang memusnahkan bangunan bersejarah itu, kelmarin.

Dalam memorandum itu, Puteri Umno berkata reputasi UM terjejas berikutan penerbitan Varsiti 2001 yang mengandungi kecaman terhadap pemimpin kerajaan tidak lama dulu, dan satu lagi risalah yang mendesak mahasiswa mengadakan perhimpunan hari ini sempena kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menutup simposium berkenaan.

Pergerakan Pemuda Umno Malaysia (Pemuda) pula mendesak lembaga universiti itu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kebakaran Dewan Tunku Canselor.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Hishammudin Tun Hussein, berkata semalam PPUM tidak menolak kemungkinan kebakaran itu perbuatan khianat yang dirancang rapi oleh segelintir pelajar antikerajaan di UM dengan didalangi pihak tertentu.

Katanya, beberapa insiden seperti penerbitan Varsiti 2001 dan penyebaran risalah dengan slogan 'Mahasiswa Bersama-sama Masyarakat', membuktikan ada sekumpulan pelajar terbabit dalam usaha mempengaruhi pelajar lain di kampus supaya membenci kerajaan.

Sementara itu, Azalina ketika ditemui di simposium itu selepas menjadi sebagai moderator sesi pertama, berkata semua kejadian terbabit dan kebakaran DTC yang berlaku sehari sebelum simposium adalah terlalu janggal untuk dikatakan sebagai kebetulan.

"Puteri melihat ada kaitan dan kami bimbang kerana semua kejadian ini seperti ada hubungkaitnya. Kami tidak menuduh siapa membakar DTC, saya cuma cakap patut ada orang yang bertanggungjawab. Jadi yang bertanggungjawab adalah orang nombor satu, bukan individu tetapi jawatan yang dipegang.

"Kebimbangan kami ketika menghantar memorandum itu ialah ia akan menjadi budaya militan di kalangan pelajar.

"Siapa yang akan bertanggungjawab, bagi saya di sini berlaku kegagalan moral dan perang psikologi... orang yang mesti bertanggungjawab ialah orang yang memegang jawatan nombor satu," katanya.

(END)